

**TAJDID ILMU DAN PENDIDIKAN : TINJAUAN APRESIATIF TERHADAP
PEMIKIRAN PENDIDIKAN ISLAM SIDEK BABA.**

*Zuraidah bt Othman
Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya.
E-mail : zuraidahipgkbm@gmail.com*

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan meninjau pemikiran Sidek Baba terhadap tajdid ilmu dan pendidikan. Faktor globalisasi dan perubahan zaman dilihat banyak mempengaruhi kandungan ilmu dan pendekatan pendidikan Islam khususnya di Malaysia. Globalisasi yang mendatang telah menjadikan konsep universal Islam semakin terpinggir. Sifat zaman yang berubah juga memerlukan tinjauan terhadap kandungan ilmu, metodologi pengilmuan dan pendidikan Islam terkini.. Dukungan terhadap perubahan, islah dan reformasi dalam pendidikan sewajarnya dilatari dengan kerangka berfikir dan memahami sumber ilmu berasaskan rujukan al-Quran dan al-Sunnah. Tajdid juga adalah suatu proses perubahan yang berlaku secara strategik ditunjangi oleh kefahaman dan ilmu yang tinggi mengenai sesuatu. Tajdid tidak menolak faktor prinsip dan asas-asas serta kaedah membuat keputusan, tafsiran dan penghasilan pemikiran serta tidak mengabaikan prinsip asal. Tajdid juga merupakan proses pengolahan secara bijaksana supaya respon terhadap hal-hal semasa ditangani dengan cermat dan masalah ummah didekati dengan baik dan berhemah serta dinamika perubahan tetap terpelihara. Tajdid ilmu dan pendidikan dilihat amat penting dalam konteks zaman yang pantas berubah. Pendekatan ini amat perlu direalisasikan supaya ilmu dan pendidikan mampu menjana ketamadunan ummah.

Kata kunci : Tajdid, ilmu, pendidikan Islam, pemikiran, tamadun.

Pengenalan

Kekurangan tokoh dan ilmuwan pendidikan Islam yang berwibawa dan teoritis akan mengakibatkan konsep ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam difahami dan dilaksanakan secara sempit dan menyeleweng yang akhirnya akan melahirkan rentetan kesilapan besar dalam dunia pendidikan di negara-negara umat Islam. Rentetan dari kesilapan dalam dunia pendidikan inilah sebenarnya menjadi punca kepada kemunduran umat Islam di seluruh dunia (Wan Mohd Nor, 2005).

Ismail Raji al-Faruqi dalam *Islamization of Knowledge: General Principal and Work Plan* (1989), dengan tegas menyatakan bahawa punca utama kemunduran umat Islam atau diistilahkan oleh beliau dengan ‘*malaise*’ adalah kerana sistem pendidikan yang lemah dan tidak mempunyai asas intelektual dan metodologi falsafah pendidikan yang kukuh :

“ There can be no doubt that the intellectual and methodological decline of the ummah is the core of its ‘malaise’. The educational system is the breeding ground of the disease. Schools and colleges generate and perpetuate that self estrangement from Islam, from its legacy, and from its style. The educational sistem is the labarotary where Muslim Youth are kneaded and cut, where their consciousness is molded into a caricature of the West. Here, the Muslim’s link with his past is severed: his natural curiosity to learn the legacy of his fathers is stymied”.

(Tidak diragukan lagi bahawa punca dan tunjang ‘malaise’ umat ialah sistem pendidikan. Inilah tempat pembiakannya. Sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi terus menjalan dan mengekalkan pemisahan di antara para pelajar dengan Islam serta warisan ilmu dan caranya. Sistem pendidikan ini merupakan makmal tempat belia Islam dicorakkan iaitu apabila kesedaran yang ada disebatkan dengan kurikulum Barat. Di sinilah perhubungan seorang Muslim dengan masa silamnya semakin renggang dan keinginan semulajadi mereka untuk mempelajari warisan ilmu generasi terdahulu tersekat).

Al-Faruqi seterusnya menegaskan bahawa tugas utama yang mesti ditanggung oleh umat pada abad ke 15 Hijrah ialah menyelesaikan masalah pendidikan. Menurut al-Faruqi, kebangkitan

umat Islam tidak akan berjaya tanpa memperbaiki cacat cela pendidikan. Apa yang diperlukan ialah dengan menyatu dan melengkapkan sistem pendidikan Islam dan sistem sekular. Dengan penyatuan ini kemudiannya akan wujud satu sistem baru pendidikan yang ditanamkan dengan roh Islam atau Islamisasi ilmu. Sistem ini akan berfungsi sebagai sebahagian daripada program ideologi yang utuh . Seterusnya beliau menggariskan beberapa objektif perancangan kerja yang perlu dilakukan oleh para intelektual Muslim dalam memperbaiki sistem pendidikan di negara-negara umat Islam, iaitu, i) penguasaan disiplin ilmu moden, ii) penguasaan warisan ilmu Islam, iii) penentuan penyesuaian Islam dengan setiap bidang pengetahuan moden, iv) pencarian sintesis kreatif di antara warisan Islam dengan ilmu moden dan, v) pengarah aliran pemikiran Islam ke jalan yang mencapai pelaksanaan pola perancangan Allah s.w.t. (Ismail Raji al-Faruqi, 1989).

Hassan Langgulung (2003) dalam rumusannya terhadap nilai pemikiran pendidikan Islam menyatakan bahawa semua perkara yang dibahaskan dalam pendidikan moden dan mutakhir ada dasarnya dalam pendidikan Islam. Menurut beliau lagi, sepatutnya ahli-ahli pendidikan di dunia Islam mengkaji pendidikan Islam, mengkaji pemikiran pendidikan Islam dan bagaimana mereka berfikir daripada mengikuti saja arus pendidikan yang jauh dari jiwa, roh dan hati agama kita sendiri yang telah dibuktikan oleh sejarah akan kegagalannya kerana jauh dari ideologi kita umat Islam

Banyak karya yang ditulis oleh para ilmuwan tentang pendidikan Islam menunjukkan bahawa umat Islam sangat mengutamakan pendidikan sesuai dengan pemahaman mereka tentang konsep pendidikan itu sendiri, cuma mereka nampaknya tidak begitu berminat dengan kajian yang lebih sistematik terhadap idea pendidikan para pemikir dan sarjana yang sezaman. Sikap dualistik yang mengelirukan dan merosakkan dan telah menjadi trend dalam kalangan ahli politik, birokrat,

teknokrat, bahkan ahli akademik dan mahasiswa Muslim. Bagi mereka usaha dan sumbangan intelektual tidaklah sepenting usaha dan sumbangan politik dan ekonomi. Umat sekarang tidak memerlukan peningkatan para sarjana dan pemikir yang dianggap ahli teoritis semata-mata, bahkan yang diperlukan ialah para aktivis dan pengusaha (Wan Mohd Nor, 2005).

Faktor generasi masa kini yang telah terbentuk pemikiran mereka dari pelbagai disiplin dan suasana masyarakat yang berbeza juga menuntut kepada perubahan dalam pengolahan ilmu dan pendekatannya agar mudah difahami dan mudah dihayati. Justeru itu, para ilmuwan perlu memahami dan mengolah ilmu-ilmu yang ada kaitannya dengan perkembangan masyarakat kini seperti undang-undang, ekonomi, pendidikan, sains dan sebagainya, supaya ilmu-ilmu ini dapat dimanfaatkan dan berkembang dalam masyarakat mengikut perspektif Islam serta mampu memberi penyelesaian kepada permasalahan kehidupan masyarakat Islam masa kini.

Justeru itu, memperkenalkan sumbangan pemikiran tokoh khususnya tokoh kontemporari dalam bidang pendidikan ini amat penting lantaran kupasan dan huraian beliau terhadap persoalan tertentu mempunyai kaitan langsung dengan situasi masyarakat yang melingkungi kehidupan dan persekitaran beliau. Dengan itu ia akan lebih mendekatkan kefahaman masyarakat dalam isu yang dibangkitkan dan lebih dekat dengan kehidupan masyarakat masa kini.

Biografi Ringkas Sidek Baba

Sidek Baba merupakan salah seorang ilmuwan dan ahli akademik dalam bidang pendidikan dan berpengalaman luas dalam arus perdana pendidikan sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Sebagai seorang tokoh ilmuwan dalam bidang pendidikan dan cendekiawan Muslim, Sidek Baba telah menyebarkan ilmu-ilmu keislaman dan kemahiran yang dimilikinya kepada masyarakat dan umat Islam khususnya dalam bidang pendidikan Islam sama ada di

Malaysia atau di peringkat antarabangsa. Beliau telah menghasilkan penulisan-penulisan dalam bentuk buku, kertas kerja, artikel-artikel di dada-dada akhbar harian dan tabloid serta majalah-majalah. Beliau juga turut menyebarkan ilmu dalam bentuk cakera padat, ruangan blog di laman sesawang, sering ke udara melalui media-media elektronik, sering dijemput untuk menyampaikan ceramah-ceramah termasuk di masjid dan surau serta menyampaikan ucapan utama dalam seminar-seminar dan konvensyen sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa.

Sidek Baba dilahirkan pada 12 Jun 1946 di Kg. Pulau Redan, Masjid Tanah, Melaka. Mendapat pendidikan awal dan menengah di Melaka. Melanjutkan pengajian perguruan di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Kemudian melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya dalam bidang Pengajian Melayu. Kemudian menyambung lagi pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam Diploma Pengajian Islam. Seterusnya ke Amerika Syarikat dalam bidang Sarjana Sains Pendidikan dan Doktor Pendidikan dalam bidang Kajian Dasar Pendidikan. Beliau aktif dalam bidang penulisan dan juga turut aktif dalam kerja-kerja dakwah di dunia Islam dan juga di Barat. Pernah memimpin Angkatan Belia Islam Malaysia peringkat negeri Melaka dan juga Pusat. Banyak menyampaikan kertas kerja mengenai pengurusan Islam, integrasi dan Islamisasi ilmu, keremajaan dan keibubapaan serta dialog tamadun dan antara agama. Beliau turut menjadi Lembaga Pengarah IKIM, Lembaga Pengarah Darul Quran Malaysia, Lembaga Pengarah IKMAS, JAKIM, Lembaga Penasihat Pendidikan Institut Integriti Malaysia, Lembaga Muafakat MARA dan Lembaga Akademi Ketamadunan. Beliau berpengalaman sebagai guru selama 18 tahun dan pensyarah di Institut Aminuddin Baki selama 5 tahun. Dilantik sebagai Timbalan Dekan Akademik Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa dan Dekan Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa dari tahun 1992 hingga 1994. Dari tahun 1994 – 2002 menjadi Timbalan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kini, berkhidmat sebagai

Profesor Pendidikan di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia . Pada tahun 2009 beliau dianugerahi Anugerah Perdana sempena Sambutan Maulidurrasul Peringkat Kebangsaan 1430H atas sumbangan beliau dalam dunia pendidikan.

Tajdid : Satu Keperluan

Tajdid ialah suatu proses pembaharuan umat Islam yang menjurus ke arah mengeluarkan umat Islam dari kepincangan kepada keadaan yang lebih baik dan cemerlang. Tajdid sebenarnya merangkumi perspektif pemikiran, kerohanian dan amalan, iaitu keseluruhan syariat Islam. Ia digabungkan dalam dimensi ilmu, iman dan amal. Keadaan ini digambarkan di dalam al-Quran dalam surah Hud (11 : 84-85), yang bermaksud :

”Dan kepada penduduk Madyan kami utuskan saudara mereka, Nabi Syuaib. Ia berkata : Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah. Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Dan janganlah kamu mengurangi sukatan dan timbangan. Sesungguhnya aku melihat kamu berada dalam kemewahan ; dan sesungguhnya aku bimbang kamu akan ditimpa azab pada hari yang meliputi (orang-orang yang bersalah) {84} Dan wahai kaumku! sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil, dan janganlah kamu kurangkan manusia akan benda-benda yang menjadi haknya, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi {85}”.

Tajdid merupakan asas perubahan yang menyeluruh tidak sahaja dari segi konsep, falsafah, isi, hala tuju dan hasil, tetapi terdapat orientasi maju dan dinamik sesuai dengan perkembangan zaman. Tajdid dalam Islam tidak mencabut akar tradisi yang cemerlang tetapi menjadi elemen pengukuh dan memperkasa supaya pembangunan insan memberi manfaat terhadap sekitarnya. Tajdid dalam ilmu dan pendidikan mempunyai kewajaran untuk terus maju kerana faktor zaman dan cabaran lingkungan yang bersifat sedemikian. Tajdid dalam Islam adalah kesinambungan asas tamadun yang telah terbina disebabkan terdapat penemuan dan dapatan baharu dalam ilmu dan pendidikan yang memerlukan asas-asas pendidikan dan pengilmuan Islam diperkasakan.

Justeru itu, pendidikan Islam perlu ditinjau kembali secara serius. Faktor globalisasi memberikan kesan yang besar terhadap pola pemikiran dan gaya hidup masyarakat. Orientasi keilmuan dan pendidikan di semua tahap pendidikan amat memerlukan tajdid supaya arus globalisasi yang melanda dapat diimbangi dengan corak pendidikan Rabbani yang menghubungkan Ilmu Mengurus Diri (*fardu ain*) dengan Ilmu Mengurus Sistem (*fardu kifayah*). Konsep pendidikan sebegini bakal menghasilkan generasi muda yang memiliki tasawwur yang lebih jelas ke arah pembangunan tamadun. Barat bukanlah sesuatu yang harus ditolak tetapi kita harus waspada dengan ideologi pabaratan. Teknologi selamanya adalah alat dan bukannya matlamat. Memanfaat faedah berbanding dalam keilmuan dan pendidikan adalah sesuatu yang dituntut dan keupayaan mengungkapkannya kembali ke dalam acuan kita sendiri adalah suatu keperluan.

Tinjauan proses pengilmuan dan pendidikan tidak sahaja dalam bentuknya yang *superficial* tetapi pengukuhan struktur, kurikulum dan metodologi yang lebih *substancial* supaya keilmuan dan pendidikan tidak sahaja menghasilkan pelajar yang rohaniahnya sihat, tetapi pada masa yang sama amalinya mampu membangun peradaban dan tamadun. Oleh itu secara jangka panjangnya pendidikan di negara ini dan negara-negara Islam yang lain tidak dapat mengelak daripada melakukan islah dan tajdid yang berterusan. Ia menuntut berlakunya sinergi antara Ilmu Mengurus Diri dan Ilmu Mengurus Sistem.

Di samping itu juga, penghayatan agama dalam erti kata yang luas mampu membangunkan insan yang memiliki pekerti yang mulia dan peribadi yang boleh diteladani. Kekuatan akidah, iman dan takwa yang terjelma dalam daya fikir dan daya amal menjadi pemangkin ke arah penghasilan peradaban dan ketamadunan ummah. Justeru itu, tuntutan ke arah tajdid adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan.

Pemikiran Tajdid dalam Ilmu dan Pendidikan

Kemajuan peradaban manusia selalunya ditandai dengan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi. Untuk melahirkan dan membangunkan manusia-manusia yang unggul, sistem pendidikan Islam harus mengubah haluan, dari pendidikan agama harus berubah mengarah kepada sistem yang lebih integral. Tidak wujud dikotomi atau pengasingan antara pendidikan agama, sains, teknologi dan pendidikan umum. Dengan cara ini, akan lahir generasi Muslim yang tidak hanya menguasai Ilmu Mengurus Diri (ilmu individu) tetapi juga Ilmu Mengurus Sistem (ilmu sains, teknologi dan sains kemanusiaan). Perubahan sosial yang bakal berlaku akan diwarnai oleh sumber daya manusia integratif.

Justeru itu, fitrah ilmu perlu dikembalikan secara integratif. Proses pengilmuan dan pendidikan memerlukan pendekatan yang lebih holistik supaya ilmu menunjuk jalan ke arah kebenaran dan pendidikan membentuk akhlak dan watak yang manusiawi.

Tasawwur atau pandangan alam merupakan faktor yang amat relevan dalam membangun daya fikir umat. Fahaman yang betul terhadap manusia, alam, ilmu, Pencipta dan persekitaran adalah perkara pokok dalam kehidupan manusia. Pandangan alam yang menyeluruh, menghubungkan antara faktor Pencipta dan manusia, faktor manusia dan alam, manusia dan ilmu menjadikan manusia memiliki jiwa hamba dan kualiti kekhalifahan yang baik.

Proses pengilmuan dan pendidikan di semua peringkat harus dilatari asas falsafah dan tasawwur mengikut kesesuaian supaya sejak awal lagi ciri-ciri kebijaksanaan atau hikmah sentiasa menjadi wadah terbaik dalam membangunkan pemikiran dan persepsi generasi. Kelemahan yang terdapat dalam sistem pendidikan sama ada di peringkat awal, rendah, menengah dan universiti ialah kurangnya orientasi nilai dan etika yang mendasari faktor falsafah. Falsafah pendidikan Islam

harus diungkapkan berdasarkan tujuan yang jelas. Kurikulum yang integratif perlu dikembangkan. Ilmu ibadah ritual (*naqliyah*) dan ilmu ibadah sosial (*aqliyah*) harus berkembang seiring. Tradisi pengajaran dan pembelajaran tidak hanya terbatas dengan metodologi hafazan dan ingatan semata-mata. Tradisi pemahaman mesti terjadi dan berkembang. Kecenderungan berfikir (artikulasi) harus menjadi landasan keilmuan. Proses internalisasi (penyerapan) seharusnya berlaku. Dari situ akan lahir kesan penghayatan dalam pengilmuan dan pendidikan.

Tajdid ilmu dan pendidikan tidak sahaja memberi fokus terhadap asas tasawwur atau pandangan alam yang harus diperkukuhkan tetapi harus mampu memberi nafas baharu dan cita rasa baharu terhadap perspektif Ilmu Mengurus Diri (*fardu ain*) dan Ilmu Mengurus Sistem (*fardu kifayah*). Ia harus diungkapkan secara integratif supaya jenis modal insan yang dilahirkan bersifat holistik dan mempunyai kualiti memahami tradisi dan dalam masa yang sama bersedia untuk memahami perubahan. Kualiti modal insan yang ingin dilahirkan tidak sahaja memiliki keupayaan intelektual dan kemahiran teknologi tetapi pada masa yang sama memiliki kualiti keinsanan yang tinggi terhadap hidup dan kemanusiaan.

Pada prinsipnya, Islam menawarkan dua perkara kepada manusia. Pertama, ajaran yang bersumberkan al-Quran dan dipancarkan menerusi amalan Rasulullah s.a.w dalam sunnahnya. Kedua, Islam memberikan fokus membangun manusia iaitu umat Islam itu sendiri. Ada ketikanya prinsip Islam hebat diamalkan oleh penganutnya dan tatkala itu isu menyuburkan ilmu, menyuluh kepimpinan dan membangunkan tamadun menjadi perkara utama. Ada ketika, prinsip Islam dan sejarah tamadunnya hebat tetapi umat Islam lemah, mundur dan bergantung kepada orang lain. Di sinilah perlu berlakunya tajdid supaya kemurnian ajaran Islam itu dapat diserlahkan kembali untuk memperkasa umat dan tamadunnya.

Umat Islam juga perlu kembali kepada adab. Adab ialah disiplin akal, disiplin hati, dan disiplin amal. Adab kepada ilmu terutama ilmu yang bersifat komparatif dari sumber lain harus jelas. Adab terhadap keupayaan berfikir yang berasaskan disiplin ilmiah *Islami* perlu teguh. Dari situ akan lahir pemikiran yang lebih maju dan dinamis tetapi tidak bertentangan dengan Islam. Asas-asas rohaniah juga perlu memiliki disiplin yang tidak sahaja bersifat mendalam tetapi terpancar dengan nilai dan etika yang praktis. Darinya akan lahir amal *Islami* yang mampu menghadapi perubahan zaman dan relevan dengan situasi.

Jika ditelusuri dari sudut sejarah Islam, asal ilmu Islam itu adalah satu. Tidak ada dualisme dalam ilmu-ilmu Islam, apatah lagi pemikiran Islam. Ilmu Islam berkembang bukan hanya pada Ilmu Mengurus Diri (*fardu ain*) tetapi juga berkembang dalam Ilmu Mengurus Sistem (*fardu kifayah*). Di antara tokoh-tokoh besar yang mempunyai dua kualiti ini seperti Ibn al-Nafis, beliau menghafaz al-Quran ketika masih kecil, menguasai bidang syariah, bahasa dan ilmu perubatan. Begitu juga Ibn Sina, beliau menghafaz al-Quran ketika berumur sepuluh tahun, menguasai pelbagai bahasa, mengkaji bidang falsafah, logik dan ilmu perubatan. Beliau telah menghasilkan ratusan buah karya. Beliau terkenal dengan karya agungnya *al-Qanun fi al-Tibb*. Karya ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Latin, Ibrani, dan kemudiannya bahasa Inggeris, serta menjadi buku teks utama perubatan di Eropah untuk beberapa abad selepas penulisannya.

Ajaran Islam adalah bersifat dinamik, tidak statik atau beku. *Maqasid al-Syariah* menjelaskan bahawa apa yang lebih penting pada masa kini ialah jihad ilmu. Jihad penting kerana sifat Islam itu sendiri adalah merintis kemajuan dan perubahan. Zaman Abbasiyah misalnya, jihad ilmu mendapat tempat dan kedudukan yang tinggi. Ia telah meninggalkan peradaban yang hebat. Barat serta Timur berhutang ilmu kepada Islam. Umat Islam terbangun hasil pemahaman ilmu, kekuatan rohaniah dan upaya strategik yang tinggi terhadap realiti. Lebih 400 tahun umat Islam

dijajah dan ia memerlukan kekuatan ilmu dan ketrampilan untuk mengubah keadaan. Selalunya semangat yang membakar akan padam, tetapi ilmu yang hebat bakal mengakar dalam agenda perubahan. Justeru itu, upaya dakwah dan tarbiah harus ditingkatkan. Dakwah harus kreatif dan inovatif. Dakwah adalah contoh dan kehidupan. Tidak ada jalan singkat untuk membangunkan Islam.

Ilmu yang bersifat individu dan ilmu sosial harus diperkasakan, manakala kurikulum, metodologi pengajaran, dan pembelajaran harus mengambil pendekatan pembaharuan. Integrasi dan islamisasi ilmu dan pendidikan adalah agenda terbaik yang harus menjadi agenda utama umat Islam. Semangat Resolusi Pendidikan Islam Mekah 1977 tidak hanya dijadikan ungkapan sejarah, tetapi perlu diterjemahkan dalam situasi dan keadaan yang pantas berubah.

Ilmu yang berkembang di zaman puncak ketamadunan sifatnya integratif. Sinergi umara, ulama, ilmu yang sepadu, tradisi pengkaryaan yang hebat, keterbukaan kepada aspek tamadun lain yang bermanfaat telah menjadi landasan terbinanya suatu tamadun besar umat Islam. Tamadun Barat terhutang ilmu terhadap keunggulan tamadun ini.

Di rantau Alam Melayu, jenis ilmu yang berkembang dalam kalangan umat Islam lebih banyak melingkari batas rohaniah dan ritual. Faktor adat, kelaziman dan syarak sering menjadi isu dan sukar untuk dileraikan. Ia menyebabkan lahirnya khurafat dan berkembangnya ajaran sesat. Ilmu yang terbatas ini menyebabkan umat Islam amat terdedah dengan pengaruh luar lingkungan yang menyebabkan Barat menjadi sumber rujukan utama. Ajaran Islam dan kedudukan umatnya menjadi tidak murni dan memerlukan tajdid untuk mengembalikan ajaran Islam dan penganutnya kepada fitrah.

Proses penjajahan telah menyebabkan institusi ilmu dan pendidikan berada di tahap yang amat defensif sehingga Ilmu Mengurus Sistem tidak dapat berkembang dan ia meletakkan umat Islam terpinggir dalam arus perubahan. Kemerdekaan yang datang tidak menawarkan formula tajdid yang Islamik. Ideologi nasionalisme dikembangkan bagi membangkitkan kesedaran untuk merdeka. Dalam mengisi kemerdekaan, fahaman nasionalisme sempit tidak mampu bertahan. Ia memerlukan tajdid ilmu dan pendidikan untuk memperkasa umat Islam supaya reflektif terhadap tamadun Islam dapat berlaku dan adaptasi terhadap perubahan boleh berlangsung.

Tuntutan ke arah tajdid adalah sesuatu yang tidak boleh dielakkan. Tajdid harus memberi fokus terhadap jenis ilmu yang diperlukan oleh umat Islam pada masa kini, perubahan terhadap metodologi pengajaran dan pembelajaran, sistem pengukuran yang harus seimbang dan iklim pendidikan yang kondusif untuk memastikan berlakunya penghayatan.

Dikotomi dan pemisahan antara Ilmu Mengurus Diri dengan Ilmu Mengurus Sistem telah menyebabkan daya intelektual tidak berkembang. Terdapat kecenderungan dalam kalangan umat untuk membangunkan Islam secara syumul, namun keupayaan ilmu dan ketrampilan menyebabkan berlaku kepincangan. Kepincangan intelektual berlaku disebabkan tidak lahir tradisi *tadabbur* yang terancang dan melihat tradisi pengkaryaan dalam pelbagai disiplin ilmu sebagai sesuatu yang remeh. Akhirnya pemikiran yang lahir tidak mampu memberi respon terhadap perubahan dan kemajuan sains dan teknologi. Dikotomi ini menyebabkan jalan berfikir umat amat tradisional sedangkan cabaran kehidupan yang sebenar adalah canggih dan moden. Tajdid harus berlaku supaya ilmu yang integratif dapat ditawarkan berasaskan pandangan semesta yang lebih Islamik dan metodologi pengajaran dan pembelajaran harus dinamik supaya kemahiran berfikir berkembang, kualiti ilmu meningkat dan persiapan menghadapi karenah zaman dan cabaran lingkungan berada pada tahap yang baik.

Pengembangan dan penguasaan sains dan teknologi merupakan bahagian integral dari upaya peningkatan kualiti sumber daya insan. Para mahasiswa di institusi pengajian tinggi dituntut menguasai pelbagai disiplin ilmu agar mereka mempunyai pengetahuan Islam yang memadai dalam konteks zaman moden. Gagasan integrasi dan islamisasi ilmu menjadi isu utama dalam konteks globalisasi. Sebagai contoh, sejak awal penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah mencuba untuk merealisasikan beberapa pengertian dari integrasi dan islamisasi pada seluruh program. Pendekatan *major* dan *minor*, *double major* dan *double degree*, pentingnya bahasa Inggeris dan Arab sebagai pengantar pendidikan bersama dengan pengislaman kegiatan kokurikulum, adalah usaha *fundamental* dalam mewujudkan pendidikan Islam di dunia kini. Dengan demikian, seluruh umat Islam di dunia dapat memberikan sumbangan yang positif dalam memajukan umat secara terancang dan strategik. Sejak ditubuhkan pada tahun 1983, UIAM telah memulakan cabaran dalam bentuk konsep baharu pendidikan Islam. Falsafah UIAM menekankan tentang pentingnya tauhid sebagai dasar pendekatan holistik dalam proses belajar-mengajar. Visi dan misinya adalah Islamisasi, integrasi, pengantarabangsaan dan kecemerlangan secara keseluruhan (*comprehensive excellence*) telah menjadi objektif universiti ini.

Pendidikan umat Islam hari ini cenderung ke arah pendidikan yang mekanistik. Sains dan teknologi menjadi agenda utama hingga faktor keinsanan dan kemanusiaan dianggap kurang relevan. Fokus keilmuan menjadi tidak seimbang dan ia bakal menghakis nilai-nilai kemanusiaan yang amat perlu bagi umat manusia. Fokus kepada pembangunan '*high tech*' atau teknologi tinggi harus diimbangi dengan pembangunan '*high touch*' atau sentuhan keinsanan yang kreatif dan inovatif supaya keseimbangan ini memberikan erti yang lebih holistik terhadap binaan modal insan dan peranannya dalam konteks kemajuan dan perubahan.

Memberi fokus yang betul terhadap teknologi amat penting supaya nilai guna yang ada pada manusia bakal membimbingnya ke arah kebaikan. Membangunkan teknologi dan ilmu alat yang lain adalah satu keperluan tetapi haruslah diuruskan oleh mereka yang mempunyai sistem nilai kerana jika tidak, ia akan cenderung disalah gunakan. Matlamat dalam pendidikan ialah bagaimana teknologi mampu memperkaya, mempermudah, mempercepat, memperbanyak urusan manusia dengan etika yang betul dan nilai yang menyumbang supaya wujud asas kesejahteraan dan memberi manfaat kepada seluruh umat manusia.

Sistem pendidikan yang holistik perlu dibangunkan dan fokus yang seimbang terhadap faktor-faktor diri insan yang berhubung dengan faktor kognitif, afektif dan juga psikomotor perlu diutamakan. Sekiranya faktor ini tidak dibangunkan secara seimbang ia boleh menyebabkan ketempangan cara berfikir, cara melihat dan cara melakukan sesuatu. Peribadi yang holistik mempunyai asas-asas ilmu dan pendidikan yang memandunya menjadi insan yang lebih baik. Asas-asas nilai dan etikanya teguh, penguasaan ilmunya memberangsangkan, kemahiran berfikirnya berkembang, ketangkasan fizikalnya memberikan daya dorong terhadap gerak kerja yang bermanfaat dan hasil kerja serta amalannya memancarkan peribadi mithali yang boleh dicontohi.

Sebagai contoh lagi, pengajaran ilmu tauhid yang hanya terbatas secara rohaniah sahaja, tidak berkembang dalam pensyariat al-Quran terhadap Allah sebagai Pencipta, perjalanan alam bertunjangan Sunnatullah sebagai tanda kebesaran-Nya, ketertiban perjalanan cakerawala sebagai satu bukti kekuasaan pengaturan Allah s.w.t. Limpahan rahmat dan nikmat yang banyak adalah tanda kebesaran-Nya supaya yang nyata dan yang ghaib pada hakikatnya adalah satu dalam tradisi keilmuan Islam dan pemahaman tamadun silam. Oleh itu, tajdid pengajaran harus berlaku supaya faktor rohaniah dan *ghaibiyat* boleh memberikan kesan ilmu dan amal. Islam

tidak hanya agama yang memberi asas kepada sistem kepercayaan tetapi ia menunjuk jalan ibadah dan cara hidup. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran yang harus dilalui oleh pelajar mestilah mampu menyediakan dirinya tidak sahaja menghubungkan dirinya dengan Pencipta tetapi menghubungkan diri dengan organisasi, sistem dan sesama insan.

Satu aspek lain yang penting dalam tajdid ilmu dan pendidikan ialah dari aspek kurikulum iaitu penerapan pendekatan multidisiplin dalam memberikan kefahaman kepada subjek-subjek tertentu. Ilmu Mengurus Diri misalnya, tidak sahaja mengajar akidah, ibadah, syariah dan fekah, akhlak dan adab, tilawah dan tafsir tetapi juga mengaitkannya dengan pemahaman tentang sains, teknologi, matematik, geografi, bahasa, komputer dan lain-lain. Begitu juga, Ilmu Mengurus Sistem tidak sahaja mengajar tentang matematik, sains, komputer, pengurusan, ekonomi dan sebagainya tetapi harus dilihat dalam perspektif nilai dan kemanusiaan.

Pemahaman terhadap tradisi *turath* juga wajar diperkukuhkan dan pemahaman terhadap faktor-faktor yang berubah perlu diperjelaskan. Tidak harus wujud dikotomi yang menimbulkan kekeliruan sehingga wujud penolakan terhadap yang lama secara melulu dan memeluk yang baharu secara gopoh dan tanpa usul periksa. Kekeliruan dan kecelaruan yang membawa kerosakan kepada ilmu dan pendidikan bakal melahirkan generasi yang tidak berkualiti.

Kesimpulan

Pergantungan umat Islam kepada sumber-sumber yang tidak *Islami* dalam semua aspirasi dan program pendidikan akan menafikan kekuatan spiritual sesuatu bangsa. Apa yang penting juga ialah kemahiran membezakan antara faktor tradisi dan faktor tradisional. Elemen-elemen dinamik yang wujud pada masa lalu menjadi tradisi yang baik pada hari ini. Kebaikan yang dilakukan pada hari ini akan bertukar menjadi tradisi yang baik pada hari esok. Dalam tradisi

ilmu dan pendidikan, prinsip dan pendekatan yang baik dan fitrah pada masa lalu tetap menjadi tradisi yang baik. Yang terbaik pada hari ini diperkukuhkan dengan yang terbaik pada masa lalu menghasilkan suatu sinergi yang menentukan wujudnya kesinambungan yang mengarah kepada pengukuhan tamadun.

Bibliografi

- Abdullah Muhammad Basmeih (1998). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur : Dar al-Fikr.
- Abu al-A'la al-Maududi (1988). *Gerakan Tajdid Islami* (terj.). Kuala Lumpur : Pustaka Ikhwan.
- Hassan Langgulung (2003). *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka al-Husna Baru.
- Ismail Raji al-Faruqi (1989). *Islamization of Knowledge: General Principles and Work Plan*, Herndon Virginia: The International Institute of Islamic Thought.
- Ismail Raji al-Faruqi (1991). *Pengislaman Ilmu*, (Terj. Mustafa Kasim), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Munir Mursi (1983). *Al-Tarbiyah al-Islamiyyah*. Misr : 'Alam al-Kutub.
- Muhammad Rumaizuddin Ghazali (2005). *Minda Hadhari*. Selangor : Tradisi Ilmu Sdn. Bhd.
- Sidek Baba (2006). *Pendidikan Rabbani : Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Selangor : Karya Bestari.
- Sidek Baba (2007). *Seteguh Tekad*. Selangor : Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Sidek Baba (2008). *Jalur Berfikir Remaja Islam*. Selangor : Dar Bariyazi.
- Sidek Baba (2009). *Fikir dan Zikir*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidek Baba (2009). *Acuan Minda*. Selangor : Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Sidek Baba (2010). *Dari Jendela Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidek Baba (2011). *Tajdid Ilmu dan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Techknowlogic Trading Sdn. Bhd.

Sidek Baba (2012). *Pengurusan Islami*. Kuala Lumpur : Techknowlogic Trading Sdn. Bhd.

Wan Mohd Nor Wan Daud (2005). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas : Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

Yusuf al-Qardawi (1991). *Awlawiyyat al-Harakah al-Islamiyyah*. Kaherah : Maktabah Wahabah.

Yusuf al-Qardawi (1985). *Al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa Madrasah Hasan al-Banna*. Riyadh : al-Ittihad al-Islamiyy al-‘Alamiyy.

Temubual dengan Prof. Dato’ Dr. Sidek Baba pada 11 April 2012 di rumah beliau di Padang Balang, Sentul, Kuala Lumpur.